

01/02/2001

Teater Pulau Pinang terus subur

Anuar Asmadi

PULAU PINANG meneruskan lagi agendanya dalam usaha memartabatkan arena teater di negeri ini agar terus subur dan lebih berjaya dari tahun lalu.

Hampir 20 teater dipertontonkan kepada khalayak tahun lalu dan ini satu perkembangan lebih baik berbanding tahun sebelumnya.

Pengarah Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pulau Pinang (PKKNPP), Siri Neng Buah berkata, fenomena itu cukup baik dan menjadi jawapan yang tepat dunia teater di negeri itu terus subur.

"Kita tetap masukkan agenda bagi mengembang dan memulihara teater dengan dana khas dan tetap memberi keutamaan ke arah ini kerana teater mendapat sambutan yang cukup baik dan banyak kumpulan teater bergerak aktif akhir-akhir ini," kata Siri.

PKKNPP dalam usahanya memastikan setiap persembahan dijayakan dengan serius menganjurkan beberapa bengkel dan kursus lakonan dan pengarah teater.

Beberapa seniman berpengalaman seperti Khalid Salleh dijemput mengendalikan sesi ini

Auditorium Kompleks Pustaka Warisan Seni di Jalan P Ramlee menjadi saksi 13 teater dipentaskan tahun lalu dengan jumlah kasar hampir 3,000 penontonnya.

Katanya, ini tidak termasuk jumlah penonton di Dewan Sri Pinang dan Dewan Budaya Universiti Sains Malaysia (USM).

Beliau akui lebih 1500 orang menyaksikan persembahan teater Perjuangan Yang Belum Selesai yang dijayakan oleh Umno Bahagian Bayan Baru di Dewan Sri Pinang.

Teater itu berdasarkan sajak berjudul yang sama karya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diarah oleh Ahmad Hashim.

Tamu Di Bukit Kenny karya Sasterawan Negara Usman Awang membuka tirai arena teater Pulau Pinang tahun lalu. Drama itu dijayakan Kumpulan Teater Wawasan dan diarahkan oleh Mohd Nawi Ismail.

Kemudian Teater Liga Sambrono mempersembahkan pula Kehilangan Yang Ariff karya dan arahan Md Hassan Mohamad.

Bagi menarik minat serta menyuburkan teater, PKKNPP menganjurkan dua kali pesta teater tahun lalu.

Menurut Siri, tujuan utama menganjurkan festival teater itu untuk menyediakan ruang dan peluang ke arah pembangunan seni teater tanah air.

"Ia juga untuk melahirkan kumpulan teater mantap dan mempunyai kepekaan terhadap keperluan persekitaran serta selaras hasrat pembangunan negara," katanya.

Sempena Bulan Kesenian pada Jun ini dianjurkan Festival Teater dengan enam kumpulan mengambil bahagian dan menyaksikan Kumpulan ABAD muncul juara.

Kumpulan itu mempersembahkan teater Monolog karya dan arahan Rosman Nordin.

Menerusi Pekan Teater pula, Kumpulan Angkasaran USM muncul sebagai juara menerusi persembahan Mayat karya Hatta Azat Khan.

Teater itu yang diarah oleh Ahmad Nizam Bahari telah mewakili Pulau Pinang ke Pekan Teater Zon Utara dan muncul sebagai juara tetapi peringkat kebangsaan, mereka terpaksa berpuas hati menduduki tempat ketiga.

Pusat Pengajian USM juga tidak kurang hebat dalam memperkasa arena teater di Pulau Pinang. Antara teater yang mendapat sambutan hebat ialah Malam Jahanam arahan pensyarah dari pusat ini, Halimi Mohd Noh.

Dewan Bahasa Dan Pustaka Wilayah Utara juga turut memainkan peranan penting ke arah mencerna teater di negeri itu dengan membawa teater Opera Ayu Cendana karya dan arahan Fauziah Nawi.

Kumpulan Bakawali pimpinan Razali Ridzuan adalah kumpulan teater yang aktif di negeri itu apabila mampu mementaskan tiga cerita sepanjang tahun lalu.

Ini termasuk cerita Mayat yang dipersembahkan pada Festival Teater Bulan Kesenian.

Persatuan Penulis Negeri Pulau Pinang (2PNP) menganjurkan Sayembara Menulis Skrip Drama Pentas menawarkan hadiah lumayan tahun lalu dengan menyaksikan Madina Haji Ahmad muncul sebagai juara.

(END)